




TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 9




LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail


m/s 14

PROJEK KIK 2016: FLEXI BOOK RACK

Perpustakaan Tun Dr Ismail telah menghantar wakil bagi menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif 2016 yang diwakili oleh Kumpulan AKAR yang terdiri dari 5 orang ahli yang diketuai Encik Sujarmo bin Abdul Karim dan ahli terdiri daripada Encik Mohd Shafiq bin Mohd Danil, Encik Mohd Azmi bin Samsuri, Tn. Hj. Mohd Danial bin Daud, Encik Wan Abdul Rahim bin Wan Omar. Manakala Fasilitator bagi Kumpulan Akar ini adalah Encik Mohd Hafiz bin Kasirun. "FLEXIBLE BOOK RACK" merupakan satu inovasi yang direka khas bertujuan bagi memudahkan pengguna OKU di perpustakaan dapat mencapai buku di rak. Inisiatif inovasi ini diambil dari maklumbalas pengguna OKU yang kurang diberi perhatian memandangkan bilangan pengguna OKU di perpustakaan adalah sangat kecil. Penggunaan FBR secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah kesukaran yang dihadapi oleh pengguna OKU untuk mencapai buku di rak yang tinggi dan kurang mesra OKU. Secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan bilangan pinjaman buku oleh pengguna OKU di perpustakaan. Seterusnya dapat memberikan persekitaran yang kondusif dan menjadi sebagai titik permulaan untuk perpustakaan menyediakan kemudahan yang mesra OKU di masa hadapan.



- Mini Konvensyen KIK Peringkat UiTM Cawangan Johor - Johan
- Mini Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon Selatan di UiTM Melaka Kampus Bandaraya (25 Oktober 2016) - Johan Keseluruhan, Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Teknikal Terbaik.
- Konvensyen KIK UiTM di ILD Bandar Enstek Negeri Sembilan (28-30 November 2016) - Anugerah Emas.



MULA

MENCARI TAJUK BAHAN DI
TERMINAL OPAC/TELEFON
STAF KAUNTER PINJAMANT

SALIN NOMBOR KELAS
BUKU/ACCESSION

BERURUSAN DI KAUNTER
PINJAM/PULANG

KAKITANGAN
MENGASINGKAN BUKU YANG
BERKAITAN KE RAK (FBR)

PENGUNA BOLEH MEMBUAT
PINJAMAN

SELESAI